

**Bahagian A: (10 markah)**

*Pilih perkataan berlawan/berpasang maknanya dengan perkataan yang bergaris bawah bagi setiap item di bawah ini.*

1. Cuaca pada malam itu sangat sejuk.

salji  
hujan  
panas  
gelap

2. Nelayan-nelayan itu baru balik memancing dari tengah laut.

sungai  
kolam  
darat  
bumi

3. Keadaan di bandar itu sangat sesak dengan kenderaan.

pejabat  
kampung  
sekolah  
bilik

4. Walaupun datuk saya sudah tua tetapi dia masih kuat berjalan.

bengis  
bijak  
karam  
muda

5. Haji Hassan seorang guru yang peramah.

Betina  
Olahragawati  
Hajjah  
Dara

**Bahagian B: (10 markah)**

*Pilih perkataan seerti/seiras maknanya dengan perkataan yang bergaris bawah bagi setiap item.*

1. **Umur** adik saya ialah lapan tahun.

Jangka  
Tempoh  
Had  
Usia

2. Orang kaya itu memberi **sedekah** kepada jirannya yang miskin.

derma  
wang  
tenaga  
harta

3. "Keretapi itu akan **tiba** tidak lama lagi," kata Salim.

hampir  
maju  
sampai  
daki

4. Makanan yang terdedah akan dihinggapi **kuman**.

hama  
debu  
pasir  
udara

5. Adi ada tiga batang **pensel**.

kayu  
kalam  
dakwat  
buku

**Bahagian C: (10 markah)**

*Pilih penjodoh bilangan yang sesuai bagi setiap item di bawah ini.*

1. Hashimah memakan se\_\_\_\_\_ roti bakar.

pucuk  
keping  
baris  
batang

2. Bapa menghadiahkan kakak se\_\_\_\_\_ subang.

bentuk  
pasang  
ketul  
buah

3. Ibu goreng empat \_\_\_\_\_ ikan kembong.

orang  
biji  
ekor  
helai

4. Bapa membawa se\_\_\_\_\_ kelapa.

ulas  
butir  
tandan  
tangkai

5. Datuk sedang mengasap se\_\_\_\_\_ keris pusaka.

bidang  
butir  
utas  
bilah

**Bahagian D: (10 markah)**

*Pilih perkataan berimbuhan yang sesuai bagi setiap item di bawah ini.*

1. Osman sedang \_\_\_\_\_ radio di dalam biliknya.

dengarkan  
terdengar  
mendengar

- mendengar
2. Kakak sedang \_\_\_\_\_ makan malam di dapur.

tersedia  
bersedia  
menyediakan  
kesediaan

3. Bapa saya bekerja sebagai seorang \_\_\_\_\_ di sebuah maktab.

pesyarah  
pensyarah  
syarahan  
bersyarah

4. Pada hari Minggu yang lalu, saya telah pergi \_\_\_\_\_ di Pantai East Coast.

kelahkan  
bekelah  
perkelahan  
berkelah

5. Abu \_\_\_\_\_ kerana makan terlalu gopoh.

sedakkan  
tersedak  
penyedak  
menyedak

**Bahagian E: (10 markah)**

*Pilih peribahasa yang sesuai bagi setiap frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini.*

1. Bapa membelikan Siti beg getah itu kerana ia tidak mudah rosak.

tahan hati  
tahan lasak  
banyak lemak  
buah tangan

2. Mereka tidak mahu **turut terlibat** di dalam kes kecurian itu.

ringan tangan  
bekas tangan  
panjang tangan  
campur tangan

3. Datuk saya ialah seorang yang **cepat marah**.

mulut murai  
rambang mata  
telinga nipis  
mata duitan

4. Abu selalu dimarahi oleh ibunya kerana dia **tidak mahu mendengar nasihat**.

kacang hantu  
keras kepala  
kepala angin  
hidung belang

5. Aminah terpijak duri kerana berjalan dengan **tidak berkasut**.

kaki ayam  
kaki botol  
kaki lima  
kaki bangku

**Bahagian F: (10 markah)**

Pilih kata gandaan yang sesuai bagi setiap item di bawah ini. Kemudian, tulis abjad pilihan kamu itu di dalam ruangan yang disediakan.

a. jentik-jentik	e. kering-kontang
b. gopoh-gapah	f. kotor-bolor
c. kuda-kuda	g. koyak-rabak
d. lintang-pukang	h. alat-alat

1. Di dalam takungan air itu ada .
2. Kakak membeli  melukis di kedai runcit itu.
3. Hassan lari  kerana dikejar oleh seekor anjing gila.
4. Dia memakai baju sekolahnya dengan  kerana terlewat bangun.
5. Tasik itu telah menjadi  kerana kemarau berpanjangan.

**Bahagian G : (10 markah)**

*Lengkapkan cerita ini dengan perkataan yang sesuai. Isikan setiap tempat kosong ini dengan sepatah perkataan sahaja. Kemudian, tuliskan jawapan kamu itu di dalam ruangan yang disediakan.*

Lusa, pakcik saya akan pulang ke Kuala Lumpur. Pakcik telah tinggal bersama keluarga saya di Singapura  seminggu.

Semasa berada di Singapura, banyak tempat-tempat peranginan telah kami  seperti Muzium Negara, Taman Haiwan, Taman Bunga  Sentosa.

Esok, kami akan ke stesen keretapi untuk menempah tiket keberangkatan  saya. Saya dan pakcik berasa angkat gembira kerana dapat bertemu dan menghabiskan masa bersama. Tahun , kalau tiada aral, pakcik saya akan melawat saya sekeluarga lagi.

**Bahagian H : (10 markah)**

*Baca petikan karangan ini dengan teliti. Kemudian, pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan yang mengikutinya.*

Semalam, ibu menerima panggilan telefon dari tempat kerja abang. Abang telah ditimpa kemalangan semasa bertugas. Kini, beliau sedang dirawat di Hospital Alexandra.

Kami sekeluarga segera bergegas ke hospital untuk melawat abang. Apabila kami tiba di hospital, abang sedang berehat di katilnya. Keadaannya bertambah baik.

Saya membawa sedikit buah tangan buat abang. Bapa bertanya tentang keadaan abang kepada doktor yang bertugas. Menurut doktor, kecederaan abang tidak serius tetapi doktor menyuruh abang berehat di rumah selama seminggu. Tambah doktor abang mungkin dibenarkan pulang esok. Ibu berasa sangat lega mendengarkan berita tersebut.

1. Semalam, ibu menerima panggilan telefon dari mana?  
Semalam, ibu menerima panggilan telefon dari ...

rumah abang.  
rumah sakit.  
tempat tugas abang.  
tempat peranginan.

2. Apakah yang berlaku kepada abang semasa bertugas?  
Semasa bertugas, abang telah ...

tertidur.  
melawat kawannya.  
ditimpa kemalangan.  
menemui doktor.

3. Di manakah abang dirawat?  
Abang dirawat di ...

Hospital Alexandra.  
Hospital Kandang Kerbau.  
Hospital Universiti Singapura.  
Hospital Tan Tock Seng.

4. Siapakah yang melawat abang di hospital?

Ibu dan bapa  
Saya, ibu dan bapa  
Saya dan ibu  
Saya dan bapa

5. Apakah nasihat doktor kepada abang?  
Doktor menasihatkan abang supaya ...

bekerja dengan lebih berhati-hati.

berhenti bekerja.  
berehat di hospital selama seminggu.  
berehat di rumah selama seminggu.

**Bahagian I : (20 markah)**

*Baca cerita ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya. Tuliskan jawapan kamu itu di dalam ruangan yang disediakan.*

Pada hari Isnin yang lalu, saya tidak ke sekolah kerana ia ditutup sempena menyambut Hari Belia. Pagi-pagi lagi saya sudah bangun. Selepas mandi, saya membantu ibu menyiapkan sarapan buat bapa dan abang.

Selepas sarapan, bapa dan abang pun pergi ke kerja. Saya mengikut ibu pergi ke pasar.

Pasar itu terletak berdekatan dengan rumah kami. Keadaan di pasar itu sangat sesak dan bising. Di situ ada dijual bermacam-macam jenis ikan, sayur-sayuran, buah-buahan dan macam-macam lagi. Ibu membeli ikan di sebuah gerai. Saya lihat ibu menawar harga ikan itu. Kemudian, kami ke gerai sayur pula.

1. Mengapakah pengarang tidak pergi ke sekolah pada hari Isnin yang lalu?

Pengarang tidak pergi ke sekolah pada hari Isnin yang lalu kerana

2. Apakah yang dilakukan oleh pengarang selepas mandi?

Selepas mandi, pengarang

3. Ke manakah pengarang dan ibunya pergi setelah bapa dan abangnya pergi bertugas?

Setelah bapa dan abangnya pergi bertugas, pengarang dan ibunya

4. Bagaimanakah keadaan di pasar tersebut?

Keadaan di pasar itu sangat

5. Apakah yang dilakukan oleh ibu semasa membeli ikan?

Semasa membeli ikan, ibu